



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan rakyat Negeri Johor atau warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Daerah Labis sebagaimana berikut:

- (a) Gelaran Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
- (b) Gred : H11
- (c) Kementerian/Jabatan : Majlis Daerah Labis
- (d) Kump. Perkhidmatan : Pelaksana
- (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
- (f) Taraf Jawatan : Kontrak
- (g) Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
H11	RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00

- (h) Elaun -Elaun
- Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam RM 95.00
- Imbuhan Tetap Perumahan RM 300.00
- Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) RM 200.00
- (i) Kekosongan : 1 Kekosongan

(j) Syarat Lantikan

i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan

(iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- a. Lesen D : RM1,264.15
- b. Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- c. Lesen F/H : RM1,356.45
- d. Lesen G/I : RM1,402.60

ii) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

iii) Deskripsi Tugas :

- i. Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, dumper, roller dan traktor pertanian.

(k) Cara Permohonan Dan Syarat-Syarat

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan harga RM1.00 satu set di Pejabat Majlis Daerah Labis atau dengan memuat turun borang di Laman Web www.mdlabis.gov.my atau Facebook rasmi kami iaitu **Majlis Daerah Labis-Rasmi** atau boleh didapati di **Kaunter Pertanyaan** Majlis Daerah Labis.
- (b) Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS, JOHOR**

- (c) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:
 - (i) Kad pengenalan diri yang telah disahkan;
 - (ii) Sijil kelahiran yang telah disahkan;
 - (iii) Sijil Berhenti Sekolah dan sijil persekolahan yang telah disahkan;
 - (iv) Kelulusan akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon;
 - (v) Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika Diploma/Ijazah sebenar masih belum diterima);
 - (vi) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran 'passport'

- (vii) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada) yang telah disahkan.
- (d) Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- (e) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.
- (f) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat seperti dalam iklan akan **DITOLAK** serta-merta.
- (g) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (h) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- (i) Pihak Pentadbiran Majlis Daerah Labis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.

(I) Tarikh Tutup Permohonan : 12 DISEMBER 2023